

Unsur Syirik dalam Kehidupan Moden

TENGKU INTAN BT TENGKU PUJI

UNSUR-UNSUR SYIRIK DALAM KEHIDUPAN MODEN

Akidad Islam yang berteraskan pada tauhid menjadi tunjang dalam kehidupan Islam. Bermula daripada mentauhidkan atau mengesakan Allah S.W.T., manusia mengatur corak dan langkahnya di muka bumi ini. Al-Qur'an sering mengupas tentang tauhid dan digandingkan dengan persoalan syirik. Ini jelas menunjukkan betapa manusia perlu memberi perhatian terhadap kedua-duanya. Persoalan syirik biasanya hanya difahami sebagai tindakan secara fizikal menyembah sesuatu makhluk, namun hakikatnya ia juga berkait rapat dengan kepercayaan dan pemikiran yang menerima perkongsian bagi hak Allah S.W.T. Corak pemikiran yang membawa kepada pensyirikan ini mungkin kurang disedari oleh masyarakat Islam lantaran kurang perbahasan dilakukan tentang perkara yang berkaitan. Oleh sebab itu tajuk di atas sedikit sebanyak cuba membincangkan tentang persoalan syirik dalam kehidupan moden secara ringkas.

SYIRK IN MODERN LIFE

Islamic beliefs are the central theme in the livelihood of a Muslim. Beginning from 'tawheed' which is the belief in the oneness of Allah, Muslims begin to plan and organize their steps that lead to a proper life. In the al-Qur'an, the issues of 'tawheed' are also mentioned very frequently together with the issues of 'syirk'. It is clear that Muslims have to pay serious attention to these issues. Normally syirk is always understood as the act of physically performing the ritual or worship of idols or creatures; however it is also closely related to the belief and thinking that accept the sharing of rights with Allah S.W.T. The thinking patterns which lead to 'syirk' have not actually been realized by Muslim society due to a lack of debate held on the issue related to it. Therefore a discussion of this theme is needed.

PENDAHULUAN

Fenomena kini memperlihatkan masih wujud unsur-unsur *khurafat* dan syirik dalam kehidupan masyarakat Melayu Islam moden. Sehubungan

itu, unsur-unsur ini juga turut terdedah kepada perubahan dan pembaharuan sejajar dengan perkembangan dunia yang berada di ambang alaf baru. Kini, ia bukan hanya sekadar diadaptasikan melalui amalan-amalan karut dan adat istiadat lama (yang diwarisi daripada masyarakat Melayu klasik seperti sihir, saka dan penggunaan makhluk halus), malahan tanpa disedari ia semakin menular dalam bentuk pemikiran moden.

Mentaliti masyarakat Melayu pada hari ini masih lagi dibelenggu oleh unsur-unsur *tahyul* dan *khurafat*. Buktinya bukan sahaja jelas pada pengamalan adat tertentu, ia juga dapat dilihat pada trend masyarakat Melayu masa kini yang lebih gemar membaca bahan bacaan yang berunsur seram dan *tahyul* berbanding dengan bahan bacaan lain yang lebih bersifat polemik ilmiah. Semakin hari bahan bacaan tersebut semakin mendapat sambutan hangat dan laris di pasaran tanpa sebarang tindakan atau kajian daripada pihak yang bertanggungjawab. Gejala ini merugikan masyarakat kerana peningkatan populariti bahan bacaan tersebut tidak mendatangkan banyak impak dari segi perkembangan ilmu pengetahuan dan kefahaman Islam khasnya.

Walau bagaimanapun, apa yang lebih menyediakan ialah unsur-unsur *khurafat* dan syirik mula mendominasi kehidupan kebanyakan umat Islam pada masa kini. Perbuatan syirik tersebut mungkin tidak diaplikasikan dalam bentuk tindakan fizikal menyembah sesuatu makhluk tetapi lebih berupa penerimaan minda dan ketundukan jiwa terhadap sesuatu selain Allah S.W.T. Inilah yang dimaksudkan dengan pensyirikan dalam bentuk pemikiran moden. Gejala ini adalah suatu jenayah peribadi yang paling besar bagi diri individu Islam terhadap pencipta-Nya kerana keimanan terhadap Allah S.W.T. itu sepatutnya tertegak di atas pengabdian yang menyeluruh kepada-Nya semata-mata dan tidak harus dikongsikan bersama-sama mana-mana makhluk lain.

Tidak banyak di kalangan kita yang prihatin akan permasalahan ini. Kadangkala kita terlupa seketika betapa seriusnya situasi umat Islam pada hari ini yang dilanda pelbagai permasalahan termasuk persoalan akidah, akhlak dan ilmu yang rata-ratanya berkait rapat dengan persoalan maruah, kemuliaan dan kebebasan umat. Malah banyak juga yang mengambil sikap ‘menutup mata’ dan ‘memekakkan telinga’ dalam hal ini. Cabaran ini memberi tamparan yang hebat kepada survival umat Islam pada alaf baru. Mungkinkah kesemuanya ini adalah manifestasi propaganda dan dakyah yang sengaja dimobilisasikan oleh musuh Islam dengan tujuan untuk melemahkan sensitiviti umat Islam terhadap permasalahan mereka. Ini kerana seolah-olah pandangan umat Islam cuba dialihkan daripada tertumpu kepada perkara-perkara yang menyentuh isu survival dan kecermerlangan ummah kepada perkara-perkara yang lebih ringan dan kurang serius. Rencana ini cuba mengupas tentang perspektif pensyirikan dalam bentuk pemikiran moden yang berlaku di kalangan masyarakat kini.

Hakikat ini kurang disedari dan ia mampu mengganggu-gugat jati diri seseorang individu Islam.

SYIRIK DALAM BENTUK PENERIMAAN PRINSIP, ANGGAPAN DAN KEPERCAYAAN

Terdapat beberapa unsur syirik yang sedikit demi sedikit lahir secara tidak langsung dalam bentuk pemikiran moden sama ada berupa prinsip, anggapan ataupun kepercayaan yang dipegang oleh sebahagian masyarakat tanpa menyedari bahawa ia bertentangan dengan syariat Islam. Kedangkan ilmu pengetahuan dan kefahaman tentang syariat Islam adalah penyebab kepada keadaan manusia yang sering tertipu oleh kelicikan akal dan hawa nafsu mereka sendiri. Inilah yang menjadi punca kelemahan umat Islam sekarang kerana teras akidah mereka telah dikaburı oleh elemen-elemen penyelewengan yang berpunca daripada amalan syirik kepada Allah S.W.T. Allah S.W.T mengingatkan dalam firman-Nya:

Ikutilah apa yang diturunkan kepadamu daripada Tuhanmu dan janganlah kamu mengikuti pemimpin-pemimpin selain-Nya. Amat sedikitlah kamu mengambil pelajaran (daripadanya). (Surah al-A'raf 7:3)

Budaya kerja manusia sering dibentuk dan dikawal oleh doktrin tertentu yang dipengaruhi oleh arahan daripada pihak atasan atau peribadi individu itu sendiri. Ada ketikanya seseorang individu itu mampu mengawal prinsipnya dan ada kalanya prinsip menguasai individu tersebut tanpa disedari. Pada ketika inilah seseorang itu mungkin terkeliru untuk menentukan pilihannya antara yang hak dengan yang batil. Sifat berpegang kepada prinsip adalah suatu amalan yang baik namun kita harus menge-nepikannya apabila ia bertentangan dengan kewajipan agama. Kadangkala ada prinsip yang salah tetapi diterima oleh sebahagian masyarakat. Perkara ini harus diperbetulkan agar tidak menggugat keyakinan dan pegangan akidah kita yang murni.

Suatu contoh prinsip yang boleh membawa kepada amalan syirik ialah kepatuhan dan ketaatan terhadap ketua (sama ada pemimpin agama ataupun pemimpin biasa) tanpa batasan dengan mengenepikan hukum-hakam Allah S.W.T. Ramai ahli kalangan masyarakat yang dilatih agar tunduk serta patuh kepada arahan ketua ataupun majikan biarpun kadang-kala ia bertentangan dengan nilai sosial dan hukum-hakam agama. Mereka yang melakukan sedemikian mungkin bertujuan untuk menjaga kepentingan ‘perlu nasi’ masing-masing atau mengejar kemewahan yang akhirnya membawa kepada alpa diri dan sebagainya. Adalah menjadi sebahagian etika kerja bagi seseorang pekerja supaya mematuhi arahan ketua atau

majikannya, namun kepatuhan tersebut bukanlah bersifat mutlak. Sebagai individu Islam kita hanyalah perlu mematuhi ketua selagi ia tidak melampaui batas yang digariskan oleh syariat Islam. Hadith Rasulullah s.a.w ada menyatakan perkara tersebut:

Seseorang Muslim itu hendaklah patuh dan taat sama ada pada perkara-perkara yang disenanginya ataupun dibenci selagi ia tidak diperintahkan melakukan maksiat. Apabila ia disuruh melakukan maksiat, maka ia tidak lagi perlu patuh dan taat. (Ibn Hajar al-Asqalani t.t., 13 121)

Malah Ibn Hajar menyatakan bahawa individu yang mampu menolak perkara maksiat haram baginya mentaati suruhan tersebut (Ibn Hajar al-Asqalani t.t., 13 123). Beberapa contoh boleh diperhatikan di kalangan masyarakat kita, terdapat segelintir pekerja Melayu Islam yang mematuhi arahan ketuanya dalam perkara-perkara yang diharamkan syariat. Contohnya, para pekerja wanita di syarikat-syarikat swasta dan asing yang terpaksa mematuhi arahan ketuanya supaya tidak menutup aurat dengan alasan kononnya untuk kemudahan urus niaga dan menjaga imej kerjaya. Perkara seperti ini sering berlaku pada kerjaya seperti pramugari, setiausaha, pemandu pelancong, penyambut tetamu dan sebagainya. Oleh itu, ramai yang terpaksa mendedahkan aurat biarpun rata-rata mereka menyedari dalam hati kecil mereka bahawa ia adalah bertentangan dengan perintah dan syariat Allah S.W.T

Begitu juga ada pekerja-pekerja yang meninggalkan solat fardu dan solat Jumaat kerana terpaksa melakukan tugas-tugas yang dikehendaki oleh majikan. Malah ada juga di kalangan para pekerja yang mematuhi arahan ketuanya supaya melakukan perbuatan-perbuatan maksiat seperti bergaul bebas antara lelaki dengan wanita, menghadiri majlis sosial, meminum minuman yang memabukkan, mengunjungi pusat hiburan dan sebagainya dengan alasan itu adalah tanggungjawab dalam kerjaya. Tidak kurang juga ada yang terpaksa melakukan keganasan, penipuan dan pembunuhan semata-mata atas arahan ketua. Mereka akur dengan kehendak ketua mereka, biarpun ia bertentangan dengan prinsip diri mereka sendiri, hanya kerana desakan kerjaya dan pencarian nafkah. Ini dapat dilihat dalam realiti masyarakat pada masa kini, gejala seperti rompakan, rasuah, pembunuhan, memukul, mencederakan orang ramai dan sebagainya semakin berleluasa. Gejala negatif sebegini perlu dibendung dan sepatutnya dipandang serius oleh masyarakat dan pemimpin negara. Pekerja tidak seharusnya tunduk kepada ketua atau majikan secara membuta tuli. Sabda Rasulullah s.a.w..

Janganlah ada di kalangan kamu yang menjadi *ima'ah* (pak turut atau *yes man*) yang suka berkata: Aku bergantung pada orang lain. Kalau mereka baik, aku baik dan kalau mereka buruk aku pun buruk. Sebaliknya, kamu hendaklah membiasa-

kan diri berkelakuan baik apabila orang lain berkelakuan baik dan jika mereka berkelakuan buruk maka jangan kamu juga melakukan keburukan. (Tirmidzi 3.246)

Antara sedar dengan tidak sebenarnya kepatuhan kepada majikan tersebut adalah bukti keingkaran terhadap Allah S.W.T. kerana sanggup mengutamakan ketaatan kepada makhluk daripada Allah S.W.T

Inilah bentuk syirik moden yang wujud dalam mentaliti sebahagian manusia pada masa kini. Perkara ini bertentangan sama sekali dengan sifat ‘ubudiyah kita terhadap Allah S.W.T. sebagaimana yang disebutkan oleh Yusuf al-Qaradhwai bahawa ketundukan kepada Allah terangkum dalam kalimah ﴿لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ﴾ yang bermaksud: hanya kepada-Nya segala ketaatan, hanya kepada-Nya kita bersujud, kita bertasbih memuji, hanya pada hukum-Nya kepatuhan hati, pemikiran dan jasad (Yusof al-Qaradhwai 1993:11) Maksudnya selagi kita mengaku beriman kepada Allah S.W.T. maka lidah, pendengaran, pemikiran dan minda serta diri kita juga harus tunduk patuh dalam orbit perintah Allah S.W.T. sepenuhnya. Berhubung dengan isu kepatuhan ini, ‘Adi ibn Hatim ada meriwayatkan bahawa beliau mendengar Rasulullah s.a.w membacakan ayat al-Qur'an yang bermaksud:

Mereka menjadikan orang alim dan rahib mereka sebagai tuhan selain Allah dan juga (mereka mempertuhankan) al-Masih putera Maryam padahal mereka hanya disuruh menyembah Tuhan yang Maha Esa. (Surah al-Taubah 9:31)

Lantas ‘Adi pun berkata, kami tidak menyembah mereka. Lalu Rasulullah s.a.w bersabda:

“Bukankah mereka mengharamkan apa yang dihalalkan oleh Allah dan kamu turut mengharamkannya juga, dan mereka menghalalkan apa yang diharamkan oleh Allah dan kamu juga turut menghalalkannya?” Aku menjawab, “Ya.” Kata Baginda: “Itulah maksudnya kamu menyembah mereka.” (Ibn Kathir 1970, 7:385)

Hadith tersebut adalah *gharib* tetapi ada dinukilkan oleh Syeikh Ahmad ibn Ta'imiyah dalam karangannya, *Majmu' al-Tawhid* (Ahmad ibn Ta'imiyah & Muhammad ibn 'Abd al-Wahab t.t..220). Bersesuaian dengan hadith di atas jelas menunjukkan bahawa sekiranya seseorang itu mematuhi ketuanya atau sesiapapun sahaja secara membuta tuli dengan mengenepikan hukum halal dan haram, maka perbuatannya itu sama seperti menyembah mereka. Para pemimpin sebenarnya bukanlah *quddasah* tetapi mereka juga manusia biasa yang mesti dihukum sekiranya melakukan kesalahan dan jenayah. ('Abd Qadir 'Audah 1989, 1.317)

Sebagai manusia yang bersifat rasional dan beriman, kita seharusnya boleh membezakan antara yang hak dengan yang batil ataupun memilih untuk mengambil sikap sama ada taat ataupun ingkar. Secara idealnya, se-

seorang itu tidak harus tunduk atau menurut perintah ketuanya atau mana-mana pihak sekiranya perintah tersebut jelas berlawanan dengan prinsip-prinsip Islam. Inilah sebenarnya yang terkandung dalam paradigma tauhid yang utama iaitu menentang unsur-unsur pensyirikan terhadap Allah S.W.T. Rasulullah s.a.w ada mengingatkan bahawa:

Perkara yang halal itu jelas dan perkara yang haram itu juga jelas, dan antara kedua-duanya terdapat perkara *syubhat* (kesamaran) yang kebanyakan manusia tidak mengetahuinya. Sesiapa yang memelihara dirinya daripada perkara *syubhat*, maka ia telah menjaga agama dan maruahnya. Sesiapa yang melakukan perkara *syubhat*, maka ia telah melakukan perkara haram sama seperti penggembala yang menggembala ternakannya di kawasan sempadan ditakuti akan membawa kepada pencerobohan kawasan. Ketahuilah setiap raja itu mempunyai sempadan negerinya, dan sempadan Allah ialah perkara-perkara yang haram. (Ahmad ibn Hanbal t.t., 4:370)

Ada anggapan yang boleh membawa kepada syirik seperti penenerimaan terhadap unsur-unsur *khurafat* seperti pemujaan kepada makhluk halus, jampi mantera, sihir, ramalan dan tilik nasib. Sebahagian masyarakat kini mula menerima unsur *khurafat* ini yang berselindung di sebalik nama hiburan dan permainan tanpa menyedari ia sebenarnya membuktikan pengiktirafan terhadap kewujudan serta menyokong keburukannya.

Satu contoh yang jelas ialah terdapat usaha tertentu yang cuba menghidupkan kembali adat tradisi lama seperti ancak, semah, menurun, membuang sial dan sebagainya, meskipun bertentangan dengan syariat Islam. Malah kebelakangan ini media elektronik juga semakin ‘rancak’ menayangkan program-program yang menonjolkan budaya dan tradisi lama kaum-kaum di Malaysia. Kebanyakan nilai budaya dan tradisi tersebut masih lagi dipenuhi dengan unsur-unsur karut dan *tahyul*. Maklumat seperti ini bukanlah tidak boleh diketahui oleh masyarakat tetapi dieksplorasi dengan begitu ketara dan usaha-usaha untuk menghidupkannya kembali tidak sepatutnya dilakukan. Wayang kulit contohnya, adalah permainan tradisi tertua di negara ini yang sinonim dengan cerita epik Hindu seperti Ramayana dan Mahabhrata. Unsur syirik dapat dilihat pada majlis berlimau, menjamu dan menyimah (simah) ketika membuka dan menutup panggung (Jamuddin Idris 1994). Walau bagaimanapun, ada pihak-pihak tertentu yang berpendapat wayang kulit tidak harus dibiarkan lenyap begitu sahaja kerana fungsinya sebagai penyampaian maklumat sejarah (Tengku Khalidah Tengku Bidin 1998). Malah ada yang mengatakan bahawa persembahan seni tersebut walaupun berasaskan agama Hindu tetapi ia hanya bertujuan hiburan semata-mata (Salbiah Ani 1994). Begitu juga permainan tradisi lain seperti Makyung, Menora, dan permainan Petri bukan sahaja mengandungi unsur *khurafat* seperti jampi mantera dan

menurun tetapi juga mempamerkan jalan ceritanya yang melalaikan. Kadang-kadang isu yang dibicarakan adalah seperti Raja yang kalah berjudi, berlaga ayam, menggadaikan negara dan sebagainya. Dalam hal ini, kita sepatutnya lebih bijak menganalisa sesuatu perkara sama ada ia benar-benar bermanfaat kepada generasi kita atau hanya akan membawa implikasi yang lebih buruk iaitu penyanjungan terhadap perkara yang tasyul dan karut. Kita bukanlah ingin menghapuskan kesemua nilai lama dan tradisi masyarakat tetapi ia perlu diselaraskan dengan nilai Islam yang menjadi tonggak pegangan kita. Sekiranya kita membuang nilai yang karut dan tasyul dalam amalan tradisi dan budaya masyarakat kita, maka itu tidak menjadi halangan untuk terus mengekalkan warisannya.

Kebelakangan ini juga terdapat kenyataan yang positif daripada para pemimpin bukan Islam yang mengkritik amalan negatif dan kepercayaan karut dalam tradisi dan budaya kaum mereka. Timbalan Presiden MCA contohnya, ada menyentuh tentang tradisi perjudian, kepercayaan khurafat dan majlis makan malam yang berlarutan sehingga beberapa jam lamanya. Sehubungan itu juga Ketua Pengarah Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) Dato' Dr. Ismail Ibrahim (1998) pula membincarakan tentang isu budaya pembaziran dalam adat dan tradisi kaum Melayu. Walau bagaimanapun isu tersebut hanya dibincangkan dari sudut moral dan akhlak. Bagaimanakah pula dengan amalan tradisi, adat dan budaya yang boleh mempengaruhi akidah dan keyakinan umat Islam? Isu ini sepatutnya lebih utama dibincangkan dan disedari oleh kita semua terutamanya umat Islam.

Mungkin kita perlu menghayati semula apa yang telah dinyatakan oleh almarhum Profesor Zulkifli Muhammad (1971:80).

Dalam ugama Islam cara hidup dan berfikir memang telah diaturkan menurut ajarannya. Adat, bentuk kebudayaan, kesenian dan kebiasaan tiada salahnya berlainan masyarakat Islam antara golongan orang Islam dengan yang lain, tetapi pada dasarnya mestilah menurut Islam dan ajarannya. Islamlah yang menentukan corak dan kebudayaan orang-orang Islam dan bukan Islam mengikut kebudayaan mereka.

Begitu juga pada masa kini, ada di kalangan segelintir masyarakat Islam Malaysia mula beralih minat dan menerima program-program hiburan berunsur syirik yang diimport dari luar negara, antaranya seperti pertunjukan silap mata. Ini dapat dilihat apabila negara kita seringkali dikunjungi oleh beberapa orang ahli sihir terkenal yang diberi peluang untuk mempertontonkan persembahan mereka dengan alasan ia adalah untuk pertunjukan amal dan hiburan semata-mata. Malah media massa tempatan turut memberikan liputan yang meluas terhadap program sedemikian. Program seperti ini sebenarnya boleh menjaskan akidah umat

Islam kerana ia mengandungi unsur-unsur syirik sekaligus mengisi jiwa mereka dengan perkara yang melalaikan minda dan spiritual. Amalan sihir ini adalah ditegah oleh Islam sebagaimana firman Allah S.W.T. dalam Surah al-Baqarah 101-103

Dan mereka mengikuti apa yang dibaca oleh syaitan-syaitan pada zaman Kerajaan Sulaiman (dan mereka mengatakan bahawa Sulaiman itu mengerjakan sihir) padahal Sulaiman tidak kafir (tidak mengerjakan sihir) hanya syaitan-syaitan itu yang kafir (mengerjakan sihir). Mereka mengajarkan sihir kepada manusia dan apa yang diturunkan kepada dua malaikat di negeri Babil iaitu Harut dan Marut, sedang kedua-duanya tidak mengajar sesuatu kepada seorang pun sebelum mengatakan, "Sesungguhnya kami hanya cubaan (bagimu), sebab itu janganlah kamu kafir."

Rasulullah s.a.w ada mengingatkan bahawa sihir adalah termasuk dalam perkara-perkara yang membinaaskan manusia, bukan sahaja dalam kehidupan di dunia malah akhirat juga sebagaimana sabdanya yang ber-maksud:

Jauhilah kamu daripada tujuh perkara yang membinaaskan. Mereka bertanya, "Apakah perkara itu, wahai Rasulullah?" Jawab Baginda s.a.w., "Syirik kepada Allah, sihir, membunuh pada perkara yang diharamkan oleh Allah kecuali yang hak, memakan harta anak yatim, memakan riba, lari dari medan perang dan menuduh perempuan yang suci dan beriman melakukan perbuatan sumbang." (Muslim 1:64)

Begitu juga unsur-unsur syirik ini cuba disebarluaskan dengan meluas melalui filem dan program di televisyen. Akhir-akhir ini program televisyen sering menayangkan cerita berunsur sihir, tahlul, kuasa mistik dan halusinasi (khayalan). Watak utama dalam siri drama berbentuk fiksyen terutamanya digambarkan dengan imej gagah serta mempunyai kuasa luar biasa. Unsur negatif ini haruslah dihapuskan daripada menjadi budaya dan amalan masyarakat kita. Mungkin kita sebagai orang dewasa tidak merasakan terlalu terpengaruh dengan unsur-unsur tersebut, tetapi bagi anak-anak kecil ia memberikan implikasi yang mendalam kepada minda dan jiwa mereka. Anak-anak terutamanya tidak harus didedahkan kepada unsur-unsur yang boleh merosakkan jiwa mereka apatah lagi ia mampu mengugat kepercayaan dan akidah mereka.

Sejarah kemunculan unsur sihir ini bermula di kalangan orang Yahudi (Muhammad 'Ali Sabuni t.th. 1:52). Orang Yahudi adalah golongan yang menolak kitab Allah dan memulakan pengamalan sihir untuk merosakkan pemikiran manusia. Bentuk sihir yang digunakan adalah dengan cara meminta bantuan daripada roh-roh yang kotor daripada kalangan jin, sebagaimana firman Allah S.W.T..

Dan bahawasanya ada beberapa orang lelaki di kalangan manusia meminta perlindungan daripada beberapa lelaki di kalangan jin, maka jalan-jalan itu menambah dosa dan kesalahan mereka. (Surah al-Jin 72:6)

Berdasarkan hakikat ini, jelaslah bahawa amalan sihir itu sememangnya bukan amalan dan budaya umat Islam. Oleh itu, umat Islam tidak sepatutnya menerima unsur tersebut dalam apa jua bentuk sekalipun, walaupun sekadar hiburan minda. Inilah perkara yang harus diperbetulkan dalam mentaliti umat Islam sekarang dan usaha pemurnian akidah melalui proses penerapan kesedaran sebegini amatlah penting bagi kita semua.

Pada waktu yang sama, terdapat juga unsur-unsur syirik yang cuba ditanamkan ke dalam jiwa masyarakat muda Islam khususnya melalui alat hiburan seperti permainan video, perkhidmatan talian telefon berunsur seram dan lucu, muzik dan sebagainya. Muzik ‘ciptaan Barat’ sebagai contohnya, yang dibawakan oleh artis-artis juga mengandungi unsur-unsur negatif seperti pemujaan terhadap sihir dan anti-tuhan. Ini jelas sekali terlihat dalam senikata lagu yang dipersembahkan. Contohnya, Marilyn Manson seorang penyanyi rock yang sering mengejutkan pihak media Amerika Syarikat menerusi penampilan dan lagunya. Kebanyakannya lagu-lagunya menghina kewujudan tuhan serta mempengaruhi golongan remaja yang bermasalah agar memberontak dan mengubah corak hidup manusia. Hampir setiap bulan ada sahaja artis luar negara yang datang ke Malaysia untuk mengadakan persembahan mereka. Masyarakat kita begitu gairah menerima mereka tanpa mempedulikan hakikat sebenar kehidupan artis-artis tersebut.

Sama ada sedar ataupun tidak, kesemuanya ini adalah permainan yang cuba dihidangkan oleh musuh Islam untuk melalaikan minda dan jiwa umat Islam pada hari ini. Malangnya banyak di kalangan kita terutamanya ibu bapa Islam bersikap sambil lewa di dalam hal ini malah ada pula yang memberi galakan kepada anak-anak mereka dengan perkara sebegini. Walaupun di kalangan umat Islam sendiri mempunyai perbezaan pendapat tentang status sesuatu kegiatan manusia seperti budaya seni dan hiburan, namun hiburan yang bercorak budaya Barat tidak patut diwarisi oleh masyarakat Islam (Khalijah Mohd. Salleh 1984:9).

Inilah perkara yang cuba kita hindari dari awal lagi iaitu sebarang unsur negatif yang mampu mempengaruhi pemikiran dan mencorakkan tindakan yang akhirnya akan membawa kepada pembiasaan atau ‘*uruf*’ budaya yang merosakkan. Apabila kita mula mengambil sikap remeh-temeh terhadap unsur-unsur maksiat, maka lama-kelamaan ia akan bertukar menjadi suatu kebiasaan yang akhirnya sebatı dalam diri insan yang sukar diubati. Mungkin pada mulanya kita menganggap unsur syirik itu sekadar hiburan semata-mata, namun tidak dinafikan ia juga mampu melemahkan minda dan membutakan rohani kita. Ibarat pisau yang tajam kalau saban

hari terkena hujan dan panas, lama-kelamaan pasti akan berkarat. Begitu jugalah dengan unsur syirik, sekiranya seringkali disantapkan ke dalam diri nescaya ia mampu menyumpulkan kecerdasan minda, mengganggu kewarasan akal serta mencantas tunas keimanan individu Islam.

SYIRIK PENYAKIT TRADISI DAN MODEN

Sememangnya syirik ini menjadi amalan ‘biasa’ di kalangan manusia terdahulu dan banyak yang telah menjadi mangsa kepada penyakit yang merbahaya ini. Adalah jelas daripada sumber yang dirujuk bahawa para nabī telah memberikan suatu rawatan yang sama untuk menyembuhkan penyakit syirik ini. Tidak ada rawatan dan penawar yang terbaik kecuali berpegang dengan ajaran tauhid. Oleh sebab itu, para Rasul telah diutuskan sebelum Nabi Muhammad s.a.w. lagi, bertujuan membasmī penyakit ini dan tugas ini harus diteruskan oleh para intelektual Islam dan mujaddid (Muhammad Ibrahim H. I. Surty 1990:33). Sebenarnya permasalahan tentang tauhid adalah konsep utama yang dibincangkan dalam al-Qur'an. Terdapat banyak ayat al-Qur'an yang menjelaskan tentang pengesaan kepada Allah dan peringatan tentang syirik. Pengesaan kepada Allah bukan sahaja meliputi dari sudut *uluhiyah* tetapi juga dari sudut *rubbubiyah*. Firman Allah S.W.T. yang bermaksud:

Hai manusia, sembahlah tuhanmu yang telah menciptakanmu dan orang-orang yang sebelummu, agar kamu bertakwa. Dia lah yang menjadikan bumi sebagai hamparan dan langit sebagai atap dan Dia menurunkan hujan (air) dari langit, lalu Dia menghasilkan dengan hujan itu segala buah-buahan sebagai rezeki untukmu. Kerana itu janganlah kamu mengadakan sekutu-sekutu bagi Allah padahal kamu mengetahui. (Surah al-Baqarah 2:21-22)

Begitu juga al-Qur'an menyebut bahawa Allah tidak menerima sebarang unsur pensyirikan terhadap-Nya dan tidak juga memberikan keampunan kepada sesiapa yang melakukannya. Firman Allah S.W.T. yang bermaksud:

Sesungguhnya Allah tidak akan mengampuni dosa syirik dan Dia mengampuni segala dosa yang selain daripada (syirik) itu bagi sesiapa yang dikehendaki-nya. Sesiapa yang mempersekuatkan Allah, maka sesungguhnya dia telah melakukan dosa besar. (Surah al-Nisa' 4:48)

Kebiasaan ayat-ayat yang berkaitan dengan persoalan tauhid ini dirangkumkan bersama dengan ayat-ayat yang menolak sebarang unsur selain daripada Allah Ta'ala. Ini adalah untuk menguatkan lagi bahawa pengesaan kepada Allah adalah suatu yang penting dan perlu diambil berat

oleh setiap individu Islam. Namun, masyarakat kini kurang sensitif dengan peringatan tersebut. Mereka bersikap mengambil mudah tentang permasalahan syirik. Meskipun mereka tidak terang-terangan menyembah patung atau makhluk lain secara langsung sebagaimana pengamal agama Hindu, Buddha dan Kristian, namun ketundukan secara tidak langsung dan penerimaan terhadap unsur-unsur selain Allah S.W.T juga termasuk dalam amalan syirik yang nyata. Menurut Imam Fakhr al-Din al-Razi,

Syirik itu bukan semata-mata penyembahan patung tetapi juga sebarang tindakan mengikut tuntutan hawa nafsu jasad. Sekiranya kamu cenderung kepada seseorang kecuali Dia (Allah) maka kamu telah mempersekuatkan Dia (M. Valiuddin 1978). Syirik juga termasuk sebarang unsur kemaksiatan yang lahir akibat meninggalkan perkara-perkara wajib dan melakukan perkara-perkara yang haram (Ibn Hajar al-'Asqalani 1:85). Tidak kira lalah sama ada ketataan kepada perintah yang dilarang atau kepercayaan kepada unsur-unsur khurafat dan syirik atau kegoyahan keyakinan terhadap ajaran Islam; semuanya itu bermaksud pemalingan daripada *Ma'bud* yang satu iaitu Allah S.W.T

KESIMPULAN

Mungkin banyak di kalangan kita yang tidak menyedari dan melakukan syirik secara tidak disedari. Oleh itu, penting bagi kita memelihara minda daripada sebarang unsur pensyirikan terhadap Allah S.W.T. Sebarang unsur-unsur syirik yang masih bersarang dalam adat dan kepercayaan nenek moyang dan yang juga lahir daripada idea dan prinsip sendiri harus dikenyal demikian menjaga '*ubudiyah*' kita kepada Allah S.W.T

RUJUKAN

- Al-Qur'an.
- 'Abd al-Qadir 'Audah. 1989. *Al-Tasrif al-Janaei al-Islami Muqaranah bi al-Qanun al-Wadaei*, Jil. 1. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Ahmad Ibn Hanbal. t.th. *Musnad Imam Ahmad ibn Hanbal*. Beirut: Maktabah al-Islami.
- Ahmad Ibn Ta'miyah & Muhammad Ibn 'Abd Wahab. t.th. *Majmu'ah al-Tauhid*. Kaherah: Dar al-Fikr.
- Imam Fakhrurazi. t.th. *Al-Tafsir al-Kabir*. Kaherah: Mu'assasah al-Matbu'ah al-Islamiyah. Jil. 1
- Ibn Hajar al-'Asqalani, al-Imam Hafiz Ahmad ibn 'Ali Ibn Hajar al-'Asqalani. t.th. *Fath al-Bari bi Sharh Sohih al-Bukhari*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn Kathir, al-Imam Abi al-Fida' Isma'il ibn Kathir. 1966. *Tafsir al-Qur'an al 'Azim*. Beirut: Dar al-Fikr. Jil. 5.
- Ismail Ibrahim. 1998. Rencana. *Utusan Malaysia*, 20 Mei.
- Jamuddin Idris. 1994. Selamatkan Permaianan Rakyat. *Berita Harian*, 27 Januari.

- Khalijah Mohd Salleh. 1984. Peranan wanita Islam dalam membentuk budaya unggul. Kertas Kerja Seminar Wanita Islam dan Budaya anjuran HELWA ABIM & Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, Petaling Jaya, 11-13 Oktober.
- Mirah Labid. t.th. *Tafsir al-Nawawi*. Kaherah: Dar Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyah. Jil. 2.
- Muhammad 'Ali al-Sabuni. *Tafsir Ayat al-Ahkam min al-Qur'an*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah. Jil. 1

Jabatan Pengajian al-Qur'an dan al-Sunnah
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi
Selangor D.E.